



Ministry of Industry and Primary Resources

UCAPAN TETAMU KEHORMAT YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA BIN BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HJ BAKAR, MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMER UTAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI MAJLIS SAMBUTAN HARI STANDARD SEDUNIA 2013, Hari Isnin, 16hb Disember 2013 bersamaan dengan 13 Safar 1435, Airport Mall, Berakas

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHEEM, ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA,

1. Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.
2. Yang Mulia, Awang Md Riza bin Dato Paduka Hj Md Yunos, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Pengerusi Majlis; Tetamu-Tetamu Khas Majlis; Para Penceramah; Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian.
3. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Pengerusi Majlis di atas penghormatan yang di berikan kepada saya untuk menjadi Tetamu Kehormat di Majlis **Sambutan Hari Standard Sedunia 2013** sebagai aktiviti Kementerian ini melalui Pusat Standard Kebangsaan yang disambut di Negara Brunei Darussalam buat julung kalinya.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

4. Sambutan Hari Standard yang diadakan di seluruh dunia setiap tahun adalah sebagai penghargaan kepada ribuan pakar diseluruh dunia yang berusaha keras dan bekerjasama dengan badan-badan standard seperti *International Electrotechnical Commission (IEC)*; dan *International Organization for Standardization (ISO)* dalam membangunkan standard-standard antarabangsa yang mempermudah perdagangan serta menyebarkan pengetahuan dan peningkatan teknologi. Ianya juga adalah untuk mengingatkan penubuhan secara rasminya badan *International Organization for Standardization (ISO)* pada tahun 1947 dimana pada tahun itu buat pertama kalinya wakil-wakil dari 25 buah negara telah membuat persetujuan bagi mengujudkan sebuah badan antarabangsa khusus untuk penyelarasan dan penyatuan kerja-kerja berkaitan dengan standard atau piawaian.
5. Selaras dengan tema Hari Standard Sedunia pada tahun ini, iaitu "*International Standards Ensure Positive Change*", sambutan di Negara ini akan mengetengahkan kepentingan standard atau piawaian kepada orang ramai serta mendedahkan peranan standard atau piawaian dalam meningkatkan produktiviti dan menyokong pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

6. Bersempena dengan sambutan Hari Standard Sedunia yang diraikan di Negara Brunei Darussalam tahun ini melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber Sumber Utama, saya dengan ini sukacita ingin memberigakan kewujudan satu organisasi di bawah Kementerian ini, iaitu Pusat Standard Kebangsaan iaitu sebagai satu organisasi yang dipertanggungjawabkan dalam memainkan peranan utama dalam pembangunan standard kebangsaan serta membantu mengukuhkan infrastruktur standard dan konforman di Negara Brunei Darussalam. Pusat ini juga adalah merupakan Urusetia kepada Majlis Standard Kebangsaan yang mempunyai peranan untuk merangka hala tuju serta merangka pelan pelaksanaan dasar ke arah mengalakkan usahawan tempatan untuk mencuba mendapatkan pengiktirafan standard di peringkat antarabangsa bagi memudahkan aktiviti-aktiviti eksport di Negara Brunei Darussalam.
7. Saya juga ingin mengongsikan maklumat bahawa Kementerian ini juga sedang melaksanakan rancangan untuk menjadikan Pusat Standard Kebangsaan ini sebagai satu badan yang diiktiraf sepenuhnya sebagai badan akreditasi di Negara Brunei Darussalam yang akan memastikan kredibiliti badan-badan persijilan dan makmal-makmal ujian di Negara Brunei Darussalam.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

8. Sebelum mengakhiri ucapan saya, setinggi-tinggi penghargaan disampaikan kepada pihak agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam kerja-kerja standard di Negara ini di atas komitmen yang tinggi dan usaha gigih memberikan sumbangan yang positif kepada negara demi untuk memajukan serta mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antarabangsa dan juga dalam menjayakan sambutan pada tahun ini. Saya juga tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penceramah-penceramah undangan dalam memberikan taklimat yang mengariskan kepentingan standard dalam pekerjaan seharian. Semoga segala apa yang kita kerjakan akan *direcai oleh Allah Subhanahu Wataala jua*.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.